

Jenama Keluarga Malaysia telan belanja lebih RM62 juta

KUALA LUMPUR: Lebih RM62 juta diperuntukkan untuk penjenamaan Keluarga Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

Peruntukan itu dikeluarkan sepanjang Ismail menjadi Perdana Menteri Kesembilan selama 14 bulan, mulai Ogos 2021 hingga November 2022.

Menerusi jawapan bertulis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, jumlah itu mewakili lebih 98 peratus daripada keseluruhan RM62,764,107.25 dibelanjakan untuk penjenamaan kerajaan di bawah tiga Perdana Menteri sejak Mac 2020 hingga 30 Januari lalu.

“Berdasarkan rekod kewangan Jabatan Perdana Menteri, penganjuran program berkaitan penjenamaan semula kerajaan iaitu Kerajaan Prihatin, Keluarga Malaysia dan Malaysia Madani, membabitkan peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 30 Januari 2023 adalah sebanyak RM62,764,107.25.

“Pecahan mengikut program adalah Kerajaan Prihatin dengan perbelanjaan RM181,752.20; Keluarga Malaysia, RM62,093,139.05 dan Malaysia Madani, RM489,216. Jumlah perbelanjaan berdasarkan program jelajah jerayawara yang dilaksanakan semasa pentadbiran Perdana Menteri kelapan hingga kini,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Aminolhuda Hasan (PH-Sri Gading) meminta kerajaan menjelaskan peruntukan dibelanjakan bagi penjenamaan kerajaan ketika pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ismail Sabri dan Datuk Seri Anwar Ibrahim masing-masing di bawah konsep Kerajaan Prihatin, Keluarga Malaysia dan Malaysia Madani.

Muhyiddin dilantik Perdana Menteri Kelapan pada 1 Mac 2020, Anwar pula mengangkat sumpah Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November 2022 dan melancarkan Malaysia Madani pada 19 Januari lalu.